



**Bahagian A [30 markah]**


Jawab **semua** soalan dalam bahagian ini.

- 1 Sewa adalah ganjaran kepada faktor pengeluaran yang
  - A menawarkan perkhidmatan dari segi mental dan fizikal.
  - B merupakan anugerah sumber semula jadi dan penawarannya tetap.
  - C dicipta oleh manusia untuk digunakan dalam proses pengeluaran.
  - D bertanggungjawab menggabungkan input untuk menghasilkan output.
  
- 2 Jenis sesuatu barang yang hendak dikeluarkan akan menentukan
  - A corak peruntukan sumber ekonomi.
  - B teknik pengeluaran barang berkenaan.
  - C corak pengagihan kekayaan dan pendapatan.
  - D jumlah bagi jenis barang berkenaan yang dikeluarkan.
  
- 3 Jadual di bawah menunjukkan kombinasi pengeluaran sebuah ekonomi.

| Kombinasi | Kereta | Makanan |
|-----------|--------|---------|
| A         | 0      | 38      |
| B         | 3      | 34      |
| C         | 6      | 26      |
| D         | 9      | 14      |
| E         | 12     | 0       |

- A 4 unit kereta.
- B 4 unit makanan.
- C 12 unit makanan.
- D 14 unit makanan.

- 4 Antara berikut yang manakah **tidak** mempengaruhi permintaan.
- A Saiz penduduk.
  - B Dasar kerajaan.
  - C Harga input pengeluaran.
  - D Citarasa pengguna.
- 5 Dalam gambar rajah,  $DD$  ialah keluk permintaan terhadap sesuatu barang.



Apakah yang menyebabkan keluk permintaan beralih dari  $D_0D_0$  ke  $D_1D_1$ .

- A Penurunan tingkat pendapatan.
- B Penurunan harga terhadap barang tersebut.
- C Kenaikan harga barang penggenap.
- D Kenaikan harga barang pengganti.

- 6 Keluk penawaran firma menunjukkan bahawa
- A semakin tinggi tingkat harga, semakin banyak untung yang diperoleh.
  - B semakin rendah tingkat harga, semakin rendah untung yang diperoleh.
  - C semakin tinggi tingkat harga, semakin sedikit kuantiti yang diminta.
  - D semakin rendah tingkat harga, semakin sedikit kuantiti yang ditawarkan.
- 7 Jadual di bawah menunjukkan hubungan antara harga dan kuantiti ditawarkan bagi suatu barang.

| Harga (RM) | Kuantiti ditawarkan (unit) |
|------------|----------------------------|
| 2          | 30                         |
| 3          | 60                         |
| 4          | 90                         |

Fungsi penawaran bagi barang tersebut ialah

- A  $Q_s = 30 + 30P$
- B  $Q_s = -30 + 30P$
- C  $Q_s = 10 + 5P$
- D  $Q_s = -15 + 15P$


- 8 Jadual di bawah menunjukkan hubungan antara harga dan kuantiti diminta bagi suatu barang.

| Harga (RM) | Kuantiti diminta (unit) |
|------------|-------------------------|
| 5          | 20                      |
| 4          | 40                      |
| 3          | 60                      |
| 2          | 80                      |

Jika fungsi penawaran ialah  $Q_s = 20 + 5P$ , berapakah kuantiti keseimbangan?

- A 20 unit.
- B 40 unit.
- C 60 unit.
- D 80 unit.

- 9 Dalam gambar rajah di bawah,  $DD$  ialah keluk permintaan dan  $SS$  ialah keluk penawaran bagi suatu barang. Keseimbangan asal adalah di  $E_0$ .




Kemajuan teknologi dan pengurangan cukai pendapatan individu akan menyebabkan

- A harga tetap di  $P_0$  dan kuantiti bertambah ke  $Q_3$ .
- B harga turun ke  $P_1$  dan kuantiti bertambah ke  $Q_2$ .
- C harga naik ke  $P_2$  dan kuantiti bertambah ke  $Q_1$ .
- D harga naik ke  $P_3$  dan kuantiti tetap di  $Q_0$ .

- 10 Sesuatu barang dikaitkan **tak anjal** jika
- A merupakan barang mewah.
  - B peratusan perbelanjaan merupakan sebahagian besar daripada pendapatan.
  - C merupakan barang keperluan asas.
  - D mempunyai barang pengganti yang hampir.
- 11 Jika keanjalan harga bagi permintaan sesuatu barang ialah  $-3.0$ , ini bermakna
- A kenaikan harga  $1\%$  menyebabkan kenaikan kuantiti diminta  $3.0\%$ .
  - B kenaikan harga  $1\%$  menyebabkan kejatuhan kuantiti diminta  $3.0\%$ .
  - C kenaikan kuantiti  $1\%$  menyebabkan kejatuhan harga  $3.0\%$ .
  - D kenaikan kuantiti  $1\%$  menyebabkan kenaikan harga  $3.0\%$ .
- 12 Keanjalan permintaan harga bagi barang X ialah  $-2$ . Jika penjual ingin menambahkan jualan sebanyak  $50\%$ , maka penjual itu perlu
- A naik harga  $25\%$ .
  - B turun harga  $25\%$ .
  - C naik harga  $50\%$ .
  - D turun harga  $50\%$ .
- 13 Sekiranya  $\frac{MU_x}{P_x} > \frac{MU_y}{P_y}$ , pengguna akan mencapai keseimbangan dengan
- A menambahkan penggunaan barang X.
  - B menambahkan penggunaan barang Y.
  - C menambahkan penggunaan barang X dan barang Y.
  - D mengurangkan penggunaan barang X dan barang Y.

14 Dalam gambar rajah di bawah,  $DD$  ialah keluk permintaan bagi barang X.



Jika harga barang X ialah RM4.00 per unit, berapakah jumlah lebihan pengguna?

- A RM32.00
  - B RM36.00
  - C RM48.00
  - D RM72.00
- 15 Firma dikatakan beroperasi dalam jangka pendek apabila
- A menggunakan modal yang kecil.
  - B beroperasi kurang daripada satu tahun.
  - C pengeluaran dibuat secara besar-besaran.
  - D terdapat input tetap dalam pengeluarannya.




- 16 Pada fungsi pengeluaran dengan satu input berubah, keluaran sut adalah sama dengan keluaran purata apabila
- A jumlah keluaran maksimum.
  - B keluaran purata maksimum.
  - C keluaran sut maksimum.
  - D Keluaran sut sifar.
- 17 Pernyataan yang berikut adalah **benar** mengenai kos purata **kecuali**
- A Apabila kos purata menurun, kos sut pada mulanya menurun sehingga mencapai titik minima sebelum meningkat semula.
  - B Kos sut bergerak melalui titik minima kos purata.
  - C Kos purata menurun apabila kos sut kurang dari kos purata dan meningkat apabila kos sut lebih daripada kos purata.
  - D Kos sut berkurang apabila kos purata menurun dan kos sut meningkat apabila kos purata meningkat.
- 18 Yang berikut ialah faktor pengeluaran yang digunakan dan jumlah kos yang ditanggung oleh pengeluar.

| Faktor pengeluaran      | Jumlah kos (RM) |
|-------------------------|-----------------|
| Buruh                   | 4000            |
| Bahan mantah            | 10000           |
| Kilang yang dimilikinya | 3000            |
| Mesin                   | 2000            |
| Lori yang dimilikinya   | 3000            |

Berapakah kos eksplisit dan kos implisit?

|   | Kos eksplisit | Kos Implisit |
|---|---------------|--------------|
| A | RM6000        | RM16000      |
| B | RM8000        | RM14000      |
| C | RM14000       | RM8000       |
| D | RM16000       | RM6000       |

- 19 Gambar rajah di bawah menunjukkan keluk kos purata ( $AC$ ), keluk kos berubah purata ( $AVC$ ), keluk kos sut ( $MC$ ), keluk hasil purata ( $AR$ ), dan keluk hasil sut ( $MR$ ) bagi sebuah firma.



944/1

[Lihat sebelah


\*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

**SULIT\***

Berapakah jumlah kos berubah apabila firma tersebut memaksimumkan untung?

- A RM18.40.
- B RM42.00.
- C RM66.00.
- D RM76.00.

- 20 Gambar rajah di bawah menunjukkan keluk kos purata ( $AC$ ), keluk kos berubah purata ( $AVC$ ), keluk kos sut ( $MC$ ), keluk hasil purata ( $AR$ ), dan keluk hasil sut ( $MR$ ) bagi sebuah firma.



Pada tingkat keseimbangan, firma ini mengalami

- A kerugian sebanyak RM300.00.
- B kerugian sebanyak RM360.00.
- C keuntungan sebanyak RM360.00.
- D keuntungan sebanyak RM500.00.


- 21 Antara berikut, yang manakah **bukan** ciri pasaran persaingan sempurna?
- A Tiada barang pengganti untuk keluarannya.
  - B Firma baru bebas masuk ke pasaran.
  - C Keluk permintaannya berbentuk anjal sempurna.
  - D Mendapat untung normal dalam jangka panjang.
- 22 Antara yang berikut menunjukkan syarat yang perlu untuk melaksanakan dasar diskriminasi harga **kecuali**
- A Firma tersebut hendaklah sebuah monopoli.
  - B Kedua-dua pasaran hendaklah dipisahkan sepenuhnya.
  - C Kegiatan menjual semula bebas berlaku di pelbagai pasaran.
  - D Keanjalan harga untuk pasar-pasar yang berlainan adalah berbeza.
- 23 Jadual di bawah menunjukkan tingkat output, jumlah kos, harga dan kuantiti diminta bagi sebuah firma monopoli.

| Output<br>(unit) | Jumlah Kos<br>(RM) | Harga<br>(RM) | Kuantiti Diminta<br>(unit) |
|------------------|--------------------|---------------|----------------------------|
| 2                | 7.00               | 6.00          | 2                          |
| 3                | 7.50               | 5.50          | 3                          |
| 4                | 8.50               | 4.85          | 4                          |
| 5                | 10.00              | 4.35          | 5                          |

Pada tingkat keseimbangan, firma ini akan mengeluarkan output sebanyak

- A 2 unit.
- B 3 unit.
- C 4 unit.
- D 5 unit.

24 Gambar rajah di bawah menunjukkan keseimbangan sebuah firma persaingan bermonopoli.



Keuntungan firma ditunjukkan oleh

- A JLUT
- B JKVT
- C LMSU
- D JMST

944/1

[Lihat sebelah

\*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

**SULIT\***


- 25 Antara yang berikut, yang manakah merupakan ciri yang sama antara firma bermonopoli dengan firma oligopoli?
- A Persaingan bukan harga.
- B Kebebasan keluar masuk.
- C Kuasa menentukan harga.
- D Untung lebih normal dalam jangka panjang.
- 26 Permintaan terhadap sesuatu faktor pengeluaran bergantung pada
- A penawaran faktor pengeluaran tersebut.
- B keanjalan penawaran bagi barang pengganti.
- C keanjalan penawaran bagi barang penggenap.
- D permintaan bagi barang yang akan dikeluarkan oleh faktor pengeluaran.
- 27 Jadual di bawah menunjukkan hubungan antara kuantiti buruh dengan jumlah keluaran bagi sebuah firma pasaran persaingan sempurna.

| Kuantiti buruh (orang) | Jumlah keluaran (unit) |
|------------------------|------------------------|
| 1                      | 20                     |
| 2                      | 38                     |
| 3                      | 54                     |
| 4                      | 67                     |
| 5                      | 77                     |
| 6                      | 83                     |

Jika harga keluaran di pasaran ialah RM5.00 per unit dan upah ialah RM50.00 per orang buruh, pengeluar akan menggunakan buruh sebanyak

- A 3 orang
- B 4 orang
- C 5 orang
- D 6 orang

28 Gambar rajah di bawah menunjukkan keluk permintaan (DD) dan keluk penawaran (SS) ke atas tanah.



944/1

[Lihat sebelah


\*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

**SULIT\***

- Kawasan OPEQ merupakan
- A sewa kuasi
  - B sewa ekonomi
  - C lebih pengguna
  - D perolehan pindahan
- 29 Yang manakah tindakan kesatuan sekerja menuntut kenaikan upah yang **tidak** akan menimbulkan pengangguran?
- A Kerajaan menetapkan tingkat upah yang lebih tinggi daripada upah pasaran.
  - B Kesatuan sekerja bertindak menghadkan penawaran buruh di pasaran.
  - C Kesatuan sekerja mengadakan mogok untuk menuntut kenaikan upah.
  - D Kesatuan sekerja bertindak meningkatkan daya pengeluaran buruh.



- 30 Gambar rajah di bawah menunjukkan keluk permintaan dan keluk penawaran bagi barang X.



Jika kerajaan mengenakan cukai, berapakah beban cukai yang ditanggung oleh pengeluar?

- A  $P_1P_2QE$
- B  $P_3P_1ET$
- C  $P_3P_1RT$
- D  $P_3P_2QT$

### Bahagian B

*Jawab lima soalan sahaja. Anda dinasihati supaya memperuntukkan masa 50 minit bagi menjawab soalan dalam bahagian ini.*

- 1 Terangkan bagaimana sistem ekonomi pasaran bebas dan sistem ekonomi perancangan pusat menyelesaikan masalah berikut:
  - (i) Apakah dan berapakah barang yang hendak dikeluarkan? [3]
  - (ii) Untuk siapakah barang yang hendak dikeluarkan? [3]
  
- 2 Terangkan kesan terhadap permintaan durian akibat daripada perubahan berikut:
  - (i) Perubahan harga durian. [3]
  - (ii) Peningkatan harga buah epal. [3]
  
- 3 (a) Apakah maksud keanjalan permintaan silang? [2]
  - (b) (i) Dengan menggunakan contoh berangka, hitungkan keanjalan permintaan silang. [2]
  - (ii) Tafsirkan nilai keanjalan yang diperolehi. [2]
  
- 4 Apakah maksud kos purata dan kos sut. Dengan bantuan gambar rajah, terangkan hubungan antara kedua-duanya. [6]

5 Terangkan perbezaan antara pasaran persaingan sempurna dengan pasaran monopoli dari segi


(i) harga

(ii) kuantiti

(iii) keuntungan jangka panjang

[6]

6 Gambar rajah di bawah menunjukkan keseimbangan firma dalam jangka pendek.



Berdasarkan maklumat dalam gambar rajah di atas, apakah tindakan firma apabila menghadapi keadaan di atas? [6]

- 7 Selain daripada proses tawar-menawar, huraikan **dua** langkah yang boleh digunakan oleh kesatuan sekerja untuk menuntut kenaikan upah ahli-ahlinya.

[6]

- 8 Andaikan bahawa keluk permintaan tak anjal. Dengan menggunakan gambar rajah, terangkan beban culai yang ditanggung oleh pengeluar dan pengguna akibat kenaikan cukai jualan.

[6]

### Bahagian C

Jawab **dua** soalan sahaja. Anda dinasihati supaya memperuntukkan masa 35 minit bagi menjawab soalan dalam bahagian ini.

- 9 Terangkan kesan ke atas pasaran kereta tempatan akibat perubahan berikut:
- (i) Bank pusat mengetatkan syarat sewa beli. [5]
  - (ii) Perkembangan teknologi dan inovasi dalam pengeluaran kereta. [5]
- 10 (a) Apakah maksud keanjalan penawaran? [2]
- (b) Huraikan **empat** sebab mengapa keanjalan penawaran kelapa sawit kurang anjal berbanding keanjalan penawaran pakaian. [8]
- 11 Huraikan kesan terhadap keluk kos purata jangka panjang sebuah kilang makanan apabila berlakunya
- (i) kilang menerima tempahan yang besar daripada luar negeri. [3]
  - (ii) ketidakcekapan pengurusan akibat pertambahan cawangannya di seluruh negara. [3]
  - (iii) kilang tersebut terletak di kawasan perindustrian. [4]
- 12 (a) Apakah yang dimaksudkan dengan persaingan bukan harga? [2]
- (b) Cadangkan **empat** bentuk persaingan bukan harga yang digunakan oleh firma persaingan bermonopoli. [8]

944/1

[Lihat sebelah

\*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

SULIT\*

**Bahagian D**

*Jawab dua soalan sahaja. And adinasihati supaya memperuntukkan masa 35 minit bagi menjawab soalan dalam bahagian ini.*

13 Fungsi permintaan dan fungsi penawaran sebuah firma adalah seperti berikut;

$$Q_d = 40 - 5P$$

$$Q_s = 10 + 5P$$

di mana,  $Q_d$  ialah kuantiti diminta (unit),  $Q_s$  ialah kuantiti ditawarkan (unit) dan  $P$  ialah harga (RM).

(a) (i) Bina jadual kuantiti diminta dan ditawarkan pada tingkat harga RM1.00,

RM2.00, RM3.00, RM4.00 dan RM5.00. [2]

(ii) Dengan menggunakan kertas graf, lukis keluk permintaan dan keluk

penawaran. [2]

(iii) Berapakah harga dan kuantiti keseimbangan. [2]

(b) Sekiranya fungsi permintaan berubah menjadi  $Q_d = 60 - 5P$ ;

(i) Lukis keluk permintaan yang baru dalam gambar rajah yang sama dalam soalan (a) (ii) dan nyatakan harga dan kuantiti keseimbangan baru. [2]

(ii) Nyatakan faktor yang menyebabkan keluk permintaan sedemikian. [1]

(iii) Apakah yang berlaku pada harga dan kuantiti keseimbangan. [1]

- 14 (a) Jadual di bawah menunjukkan harga barang L dan kuantiti diminta untuk barang L, M dan N.

| Harga barang L<br>(RM) | Kuantiti barang L<br>(unit) | Kuantiti barang M<br>(unit) | Kuantiti barang N<br>(unit) |
|------------------------|-----------------------------|-----------------------------|-----------------------------|
| 2.00                   | 20                          | 40                          | 10                          |
| 3.00                   | 10                          | 30                          | X                           |

- (i) Hitungkan keanjalan permintaan L apabila harganya turun. [2]
- (ii) Hitungkan keanjalan silang L dengan M apabila harga barang L meningkat.  
Nyatakan hubungan antara kedua-dua barang tersebut. [3]
- (iii) Andaikan keanjalan silang ialah 4.0, hitungkan kuantiti barang N yang dibeli apabila harga barang L meningkat. [2]
- (b) Jadual di bawah menunjukkan harga barang M dan kuantiti diminta barang M dan N.

| Harga barang M<br>(RM) | Kuantiti barang M<br>(unit) | Kuantiti barang N<br>(unit) |
|------------------------|-----------------------------|-----------------------------|
| 2.00                   | 40                          | 20                          |
| 3.00                   | 30                          | 20                          |

Hitung keanjalan silang barang M dan N apabila harga barang M meningkat.  
Nyatakan hubungan antara kedua-dua barang tersebut. [3]

944/1

**[Lihat sebelah**

\*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

**SULIT\***

15 Jadual di bawah menunjukkan jumlah utiliti barang X dan barang Y bagi seorang pengguna.

| Kuantiti<br>(unit) | Jumlah Utiliti barang X<br>(util) | Jumlah Utiliti barang Y<br>(util) |
|--------------------|-----------------------------------|-----------------------------------|
| 1                  | 40                                | 32                                |
| 2                  | 72                                | 60                                |
| 3                  | 96                                | 84                                |
| 4                  | 112                               | 104                               |
| 5                  | 124                               | 120                               |

Harga per unit barang X ialah RM4.00, harga per unit barang Y ialah RM2.00, pendapatan pengguna ialah RM18.00.

- (a) Bina jadual yang menunjukkan utiliti sut per ringgit bagi barang X dan utiliti sut per ringgit barang Y. [4]
- (b) Berapakah kuantiti barang X dan kuantiti barang Y pada tingkat keseimbangan? [2]
- (c) Hitung jumlah utiliti yang diperoleh oleh pengguna pada tingkat keseimbangan. [2]
- (d) Jika harga X berubah menjadi RM2.00, nyatakan kombinasi baru yang memenuhi syarat keseimbangan. [2]



16 Diberi fungsi kos sebuah firma ialah

$$C = 20 + 5Q$$

di mana, C ialah kos (RM) dan Q ialah kuantiti keluaran (unit)

- (a) Lengkapkan jadual untuk kos tetap, kos berubah, jumlah kos dan kos sut bagi tingkat keluaran 1 hingga 6 unit. [4]
- (b) Apakah jangka masa yang dihadapi oleh firma tersebut. [1]
- (c) Dengan menggunakan kertas graf, lukis keluk tetap purata, kos berubah purata dan kos sut. [3]
- (d) Terangkan secara ringkas **dua** ciri kos tetap. [2]



**Bahagian A [30 markah]**

*Jawab semua soalan dalam bahagian ini.*

1. Pemboleh ubah yang dapat menunjukkan pertumbuhan ekonomi sesebuah negara ialah
  - A Keluaran Negara Kasar benar
  - B Keluaran Negara Kasar potensi
  - C Pendapatan per kapita nominal
  - D Keluaran Negara Kasar harga semasa
  
2. Pendapatan negara merujuk kepada
  - A pendapatan kerajaan dalam tempoh tertentu
  - B jumlah wang yang terkumpul dalam negara bagi tempoh tertentu
  - C jumlah wang yang diterima oleh penduduk negara dalam tempoh tertentu
  - D nilai barang-barang dan perkhidmatan yang dikeluarkan oleh negara bagi tempoh satu tahun.
  
3. Yang membezakan antara Keluaran Dalam Negeri Kasar dengan Pendapatan Negara ialah
  - A susut nilai dan cukai tak langsung
  - B subsidi dan penerimaan bersih asing
  - C penerimaan bersih asing dan susut nilai
  - D penerimaan bersih asing dan cukai tak langsung
  
4. Yang manakah yang diambil kira dalam penghitungan pendapatan negara mengikut kaedah pendapatan?
  - A Susut nilai
  - B Cukai tak langsung
  - C Cukai pendapatan syarikat
  - D Bayaran faktor dari luar negara

5. Jadual di bawah menunjukkan nilai keluaran bagi pelbagai aktiviti ekonomi pada tahun suatu tahun tertentu.

| Aktiviti                         | (RM juta) |
|----------------------------------|-----------|
| Pertanian                        | 14 818    |
| Perlombongan                     | 7 936     |
| Perkilangan                      | 24 307    |
| Elektrik, gas, dan air           | 1 690     |
| Pembinaan                        | 3 250     |
| Pengangkutan                     | 6 038     |
| Perdagangan                      | 9 038     |
| Perkhidmatan kerajaan            | 8 964     |
| Perkhidmatan lain                | 11 614    |
| Tolak: bayaran perkhidmatan bank | 4 804     |
| Campur: cukai tak langsung       | 3 458     |
| <i>KDNK</i> harga pasaran        | 86 309    |

Berapakah peratusan sumbangan sektor utama kepada *KDNK* harga pasaran pada tahun tersebut?

- A** 17.2%  
**B** 26.4%  
**C** 28.2%  
**D** 54.6%

6. Jadual di bawah menunjukkan data tentang keluaran negara bagi sebuah negara.

| Butiran                                | RM juta |
|--|---------|
| Perbelanjaan pengguna                  | 5720    |
| Pelaburan termasuk inventori           | 1640    |
| Perbelanjaan kerajaan                  | 1620    |
| Eksport                                | 2320    |
| Import                                 | 2040    |
| Perbelanjaan pendapatan ke luar negeri | 220     |
| Penerimaan pendapatan dari luar negeri | 60      |
| Cukai tak langsung                     | 1560    |
| Subsidi                                | 160     |

Berapakah keluaran negara kasar pada harga faktor?

- A RM7700 juta
- B RM9100 juta
- C RM9260 juta
- D RM10 500 juta

7. Jadual di bawah menunjukkan data bagi sebuah ekonomi

| Butiran                            | RM juta |
|------------------------------------|---------|
| Perbelanjaan isi rumah             | 18 000  |
| Perbelanjaan penggunaan kerajaan   | 5 000   |
| Pelaburan awam dan swasta          | 5 000   |
| Subsidi                            | 500     |
| Pendapatan faktor dari luar negeri | 1 000   |
| Cukai tak langsung                 | 4 000   |
| Pendapatan dibayar ke luar negeri  | 500     |
| Eksport barangan dan perkhidmatan  | 5 500   |
| Import barangan dan perkhidmatan   | 6 000   |
| Susut nilai                        | 2 000   |

Pendapatan negara ialah

- A** RM22 500 juta
- B** RM26 000 juta
- C** RM27 500 juta
- D** RM29 500 juta

8. Jadual di bawah menunjukkan perakaunan pendapatan negara bagi sebuah ekonomi.

| Butiran                        | RM juta |
|--------------------------------|---------|
| Pendapatan Negara              | 2000    |
| Bayaran pindahan               | 70      |
| Untung tidak dibahagi          | 40      |
| Kumpulan Wang Simpanan Pekerja | 22      |
| Cukai pendapatan               | 20      |
| Cukai ke atas untung syarikat  | 60      |

Pendapatan boleh guna negara ini ialah

- A** RM1878 juta
- B** RM1928 juta
- C** RM1948 juta
- D** RM1980 juta

9. Jadual di bawah menunjukkan hubungan antara pendapatan dan penggunaan sebuah ekonomi.

| Pendapatan (RM juta) | Penggunaan (RM juta) |
|----------------------|----------------------|
| 0                    | 60                   |
| 100                  | 120                  |
| 200                  | 180                  |
| 300                  | 240                  |
| 400                  | 300                  |
| 500                  | 360                  |

Fungsi tabungan ekonomi ini ialah

- A  $S = -60 + 0.4Y$
- B  $S = 40 + 0.6Y$
- C  $S = 60 + 0.4Y$
- D  $S = 60 + 0.6Y$

10. Antara yang berikut, yang manakah yang **bukan** pemboleh ubah bocoran?

- A Cukai sekali gus
- B Import autonomous
- C Tabungan autonomous
- D Penggunaan autonomous

11. Jika nilai kecenderungan mengguna sut ialah 0.75, ini menunjukkan bahawa

- A 25% daripada pertambahan pendapatan akan dibelanjakan
- B 25% daripada pertambahan pendapatan akan ditabungkan
- C 75% daripada pertambahan pendapatan akan ditabungkan
- D 75% daripada pertambahan pendapatan akan dikeluarkan

12. Jadual di bawah menunjukkan data pendapatan negara dan tabungan bagi sebuah ekonomi.

| Pendapatan negara (RM juta) | Tabungan (RM juta) |
|-----------------------------|--------------------|
| 250                         | -10                |
| 275                         | -5                 |
| 300                         | 0                  |
| 325                         | 5                  |
| 350                         | 10                 |
| 375                         | 15                 |
| 400                         | 20                 |

Berapakah keseimbangan pendapatan negara jika pelaburan ialah sebanyak RM5 juta?

- A RM300 juta
- B RM325 juta
- C RM350 juta
- D RM375 juta

13. Jadual di bawah menunjukkan tingkat pendapatan negara dan penggunaan bagi sebuah ekonomi tiga sektor.

| Pendapatan negara<br>(RM juta) | Penggunaan<br>(RM juta) |
|--------------------------------|-------------------------|
| 1000                           | 500                     |
| 2000                           | 1000                    |
| 3000                           | 1500                    |
| 4000                           | 2000                    |

Berapakah nilai kecenderungan mengguna sut apabila kerajaan mengenakan cukai sebanyak 30%?

- A 0.30
- B 0.35
- C 0.40
- D 0.45

14. Andaikan bahawa dalam ekonomi dua sektor kecenderungan mengguna sut ialah 0.6.

Pertambahan pelaburan sebanyak RM650 juta akan meningkatkan pendapatan sebanyak

- A RM1083 juta
- B RM1625 juta
- C RM2600 juta
- D RM3900 juta



15. Berikut ialah maklumat tentang suatu ekonomi terbuka.

$$C = 250 + 0.8Y_d$$

$$T = 200$$

$$G = 350$$

$$I = 400$$

$$X = 150$$

$$M = 50 + 0.02Y$$

Apakah fungsi bocoran (W) ekonomi tersebut?

- A  $W = -90 + 0.2Y$
- B  $W = -290 + 0.2Y$
- C  $W = -40 + 0.22Y$
- D  $W = -260 + 0.22Y$

16. Dalam analisis keseimbangan permintaan agregat - penawaran agregat (AD-AS), peningkatan perbelanjaan isi rumah akan menyebabkan

- A Tingkat harga umum dan keluaran negara menurun
- B Tingkat harga umum dan keluaran negara meningkat
- C Tingkat harga umum menurun tetapi keluaran negara meningkat
- D Tingkat harga umum meningkat dan keluaran negara tidak berubah

17. Jadual di bawah menunjukkan bekalan wang dalam sesebuah negara

| Bekalan wang  | RM juta |
|---|---------|
| Mata wang   | 9 174   |
| Deposit semasa  | 12 075  |
| Separa wang   | 47 276  |
| Deposit sektor swasta dengan Syarikat kewangan, bank saudagar, dan syarikat diskaun | 22 557  |

Berapakah bekalan wang *M2* pada tahun tersebut?

- A RM21 249 juta
- B RM56 450 juta
- C RM68 525 juta
- D RM91 082 juta

18. Mengikut Teori Kuantiti Wang, jika halaju edaran wang ialah 5 dan jumlah urus niaga ialah 400 dan tingkat harga berubah daripada RM3.00 kepada RM3.50, maka penawaran wang

- A Bertambah dari RM200 kepada RM240
- B Berkurang dari RM240 kepada RM220
- C Bertambah dari RM240 kepada RM260
- D Bertambah dari RM240 kepada RM280

19. Yang berikut ialah kunci kira-kira sebuah bank perdagangan.

**Kunci kira-kira**


| Aset                   | RM  | Liabiliti         | RM  |
|------------------------|-----|-------------------|-----|
| Tunai                  | 500 | Deposit pelanggan | 600 |
| Pelaburan dan pinjaman | 100 |                   |     |
|                        | 600 |                   | 600 |

Jika nisbah cadangan mudah tunai minimum ialah 20% (dengan andaian bahawa tiada tunai dikeluarkan daripada bank tersebut), berapakah tambahan kredit yang boleh diberikan oleh bank itu?

- A RM280.00
- B RM380.00
- C RM400.00
- D RM1400.00

20. Mengikut analisis Keynes, kesan pertambahan bekalan wang akan menyebabkan
- A Kadar bunga menurun, pelaburan bertambah, permintaan agregat meningkat, dan pendapatan negara meningkat
  - B Kadar bunga menurun, pelaburan bertambah, permintaan agregat menurun, dan pendapatan negara menurun
  - C Kadar bunga meningkat, pelaburan berkurang, permintaan agregat menurun, dan pendapatan negara menurun
  - D Kadar bunga meningkat, pelaburan bertambah, permintaan agregat meningkat, dan pendapatan negara meningkat
21. Dasar fiskal dapatlah didefinisikan sebagai langkah kerajaan
- A untuk memanjangkan tempoh pembayaran hutang negara
  - B untuk mengawal pinjaman oleh bank perdagangan kepada pengguna
  - C untuk mempengaruhi aktiviti ekonomi negara dengan mengawal bekalan wang
  - D untuk mengawal aktiviti ekonomi negara dalam bidang percukaian dan perbelanjaan
22. Dasar yang manakah yang boleh digunakan oleh bank pusat untuk mengatasi masalah inflasi?
- A Menurunkan kadar diskaun
  - B Menurunkan kadar cadangan berkanun
  - C Menjual sekuriti kerajaan di pasaran terbuka
  - D Menurunkan kadar nisbah cadangan bank perdagangan
23. Inflasi tarikan permintaan **tidak** boleh diatasi dengan cara
- A menaikkan kadar cukai
  - B meningkatkan kadar diskaun
  - C membeli bon oleh bank pusat
  - D memendekkan tempoh bayaran balik pinjaman

24. Dalam gambar rajah di bawah,  $AD_1$ ,  $AD_2$ , dan  $AD_3$  menunjukkan keluk-keluk permintaan agregat bagi sebuah negara.



Jika  $Y_2$  merupakan pendapatan negara pada tingkat guna tenaga penuh, yang manakah yang menunjukkan lompong inflasi dan lompong deflasi.

- A  $AB$  dan  $GF$
- B  $AD$  dan  $EF$
- C  $EB$  dan  $GF$
- D  $ED$  dan  $EF$


25. Jadual di bawah menunjukkan keluaran makanan dan pakaian bagi negara X dan negara Y yang menggunakan kuantiti faktor yang sama secara cekap.

| Keluaran | Negara X | Negara Y |
|----------|----------|----------|
| Makanan  | 100      | 30       |
| Pakaian  | 180      | 54       |

Apakah kesimpulan yang boleh dibuat tentang negara X dan negara Y?

- A Negara *Y* mengeksport kedua-dua makanan dan pakaian
- B Negara *X* mengeksport makanan dan mengimport pakaian
- C Negara *X* mengimport makanan dan mengeksport pakaian
- D Kedua-dua negara tidak mendapat laba daripada perdagangan

26. Dalam gambar rajah di bawah, *AB* ialah keluk kemungkinan pengeluaran, *AD* ialah garis harga antarabangsa, dan titik *C* ialah penggunaan selepas perdagangan antarabangsa.



Gambar rajah di atas menunjukkan bahawa negara berkenaan akan

- A Mengimport 4 unit barang pertanian
- B Mengimport 6 unit barang pertanian
- C Mengeksport 4 unit barang pertanian
- D Mengimport 1 unit barang perindustrian

27. Data di bawah menunjukkan imbalan pembayaran sesebuah negara.

| Butiran                              | Nilai (RM juta) |
|--------------------------------------|-----------------|
| Eksport barang                       | 1500            |
| Import barang                        | 2000            |
| Perdagangan tak nampak (bersih)      | -500            |
| Aliran modal jangka panjang (bersih) | 500             |
| Aliran modal jangka pendek (bersih)  | -100            |

Antara yang berikut, yang manakah yang menunjukkan kedudukan imbalan pembayaran negara itu?

- A Lebih imbalan perdagangan, lebih imbalan akaun semasa, dan lebih imbalan asas
- B Lebih imbalan perdagangan, lebih imbalan akaun semasa, dan kurangan imbalan asas
- C Lebih imbalan perdagangan, kurangan imbalan akaun semasa, dan kurangan imbalan asas
- D Kurangan imbalan perdagangan, kurangan imbalan akaun semasa, dan kurangan imbalan asas.

28. Jadual di bawah menunjukkan butiran mengenai imbalan pembayaran

| Butiran                           | Nilai (RM juta) |
|-----------------------------------|-----------------|
| Eksport barang                    | 93 177          |
| Import barang                     | 93 638          |
| Tambang dan insurans              | -4 872          |
| Perjalanan                        | 566             |
| Pendapatan pelaburan              | -6 109          |
| Urus niaga kerajaan               | -21             |
| Pindahan bersih                   | 303             |
| Modal rasmi jangka panjang bersih | 11 837          |
| Modal bersih swasta               | 2 372           |

Berapakah imbangan akaun semasa?

- A RM1243 juta
- B -RM461 juta
- C -RM10 133 juta
- D -RM10 594 juta

29. Yang berikut ialah maklumat sebuah ekonomi terbuka.

$$C = 500 + 0.9Y_d$$

$$T = 200$$

$$I = 600$$

$$G = 400$$

$$X = 300$$

$$M = 100 + 0.1Y$$

Berapakah defisit imbangan perdagangan pada tingkat keseimbangan?

- A 200
- B 560
- C 650
- D 750

30. Apakah faktor yang tidak menggalakkan pelaburan dalam sesebuah negara?

- A Elaun pelaburan semula
- B Perjanjian Kawasan Bebas Cukai
- C Keupayaan pengeluaran berlebihan
- D Pengecualian cukai terhadap keuntungan syarikat

**BAHAGIAN B**

Jawab **lima** soalan sahaja. Anda dinasihati supaya memperuntukkan masa 50 minit bagi menjawab soalan ini.

- 1 Huraikan mengapa matlamat makroekonomi yang berikut ingin dicapai.
  - (a) Peningkatan pertumbuhan ekonomi [3]
  - (b) Menambahbaikan imbangan pembayaran [3]
- 2 (a) Apakah yang dimaksudkan dengan *pendapatan per kapita*? [2]
  - (b) Huraikan **dua** kelemahan penggunaan pendapatan per kapita sebagai indeks pengukur tingkat kemakmuran antara pelbagai negara. [4]
- 3 Dengan menggunakan gambar rajah suntikan-bocoran, terangkan kesan terhadap keseimbangan pendapatan negara dalam ekonomi dua sektor jika setiap isi rumah menurunkan tabungan. [6]
- 4 Huraikan kesan pelaksanaan dasar fiskal mengembang terhadap keseimbangan permintaan agregat-penawaran agregat (*AD-AS*). [6]
- 5 (a) Terangkan Teori Kuantiti Wang Fisher. [4]
  - (b) Huraikan **dua** kelemahan Teori Kuantiti Wang Fisher mengikut pandangan Keynes. [2]
- 6 Terangkan bagaimana pengangguran struktur wujud. Huraikan **dua** kesan buruk pengangguran struktur kepada ekonomi sesebuah negara. [6]



- 7 (a) Katakan kadar pertukaran mata wang asing dalam pasaran bebas ialah \$US1 = RM4.00. Lukiskan gambar rajah yang menunjukkan keadaan keseimbangan permintaan dan penawaran mata wang Dolar US. [1]
- (b) Apakah yang dimaksudkan dengan *terkurang nilai* dalam tukaran asing? Pada gambar rajah yang sama tunjukkan keadaan terkurang nilai kadar pertukaran mata wang asing tersebut. [2]
- (c) Huraikan kesan terkurang nilai kadar pertukaran mata wang asing terhadap imbangan pembayaran negara Amerika Syarikat. [3]
- 8 Huraikan **tiga** faktor utama yang boleh menghalang pertumbuhan ekonomi di kebanyakan negara membangun. [6]

**BAHAGIAN C**

*Jawab dua soalan sahaja. Anda dinasihati supaya memperuntukkan masa 35 minit bagi menjawab soalan ini.*

9 (a) Apakah yang dimaksudkan dengan *Keluaran Dalam Negeri Kasar*? [2]

(b) Terangkan perbezaan antara

(ii) *Keluaran Negara Kasar* dengan *Keluaran Dalam Negeri Kasar*,

(iii) *Keluaran Negara Bersih* pada harga faktor dengan *Keluaran Negara Kasar* pada harga pasaran,

(iii) *Pendapatan persendirian* dengan *Keluaran Negara Bersih*,

(iv) *Pendapatan boleh guna* dengan *Pendapatan persendirian*. [8]

10 (a) Apakah yang dimaksudkan dengan *cukai tetap*? Terangkan bagaimana *cukai tetap* mempengaruhi perbelanjaan penggunaan. [4]

(b) Dengan bantuan gambar rajah, terangkan kesan *cukai tetap* ke atas

(i) *Perbelanjaan agregat*, dan

(ii) *Keseimbangan pendapatan negara*. [6]

11 (a) Huraikan komposisi bekalan wang M1. [2]

(b) Dengan memberikan gambar rajah yang sesuai, terangkan kesan pertambahan bekalan wang terhadap kadar bunga, pelaburan, dan pendapatan negara. [8]

12 (a) Dengan bantuan gambar rajah, terangkan maksud *inflasi tarikan permintaan*. [4]

(b) “Masalah inflasi tarikan permintaan boleh diatasi dengan menaikkan bayaran pendahuluan minimum dan memendekkan tempoh bayaran balik pinjaman dalam kredit ansuran.” Terangkan pernyataan ini. [6]

**BAHAGIAN D**

Jawab **dua** soalan sahaja. Anda dinasihati supaya memperuntukkan masa 35 minit bagi menjawab soalan ini.

- 13 Dalam sebuah ekonomi, fungsi penggunaan ( $C$ ), cukai ( $T$ ), pelaburan ( $I$ ), dan perbelanjaan kerajaan ( $G$ ) adalah seperti yang berikut.

$$C = 500 + 0.9Y$$

$$T = 200$$

$$I = 600$$

$$G = 400$$

- (a) Apakah yang dimaksudkan dengan *keseimbangan pendapatan negara*? [1]
- (b) Hitung keluaran negara ekonomi tersebut pada tingkat keseimbangan. [2]
- (c) Apakah yang dimaksudkan dengan *guna tenaga penuh*? [1]
- (d) Sekiranya tingkat keseimbangan pendapatan negara guna tenaga penuh ialah RM14 000 juta,
- (i) hitung lompong inflasi/deflasi yang dialami oleh ekonomi negara tersebut, [2]
- (ii) hitung perubahan perbelanjaan kerajaan yang diperlukan untuk mencapai guna tenaga penuh. [2]
- (e) Sekiranya kerajaan secara serentak menambah perbelanjaan kerajaan sebanyak 50 dan menurunkan cukai sebanyak 50, berapakah tingkat keseimbangan pendapatan negara yang baru? [2]

- 14 Jadual di bawah menunjukkan jumlah penawaran wang dan indeks harga pengguna Malaysia dari tahun 2001 hingga tahun 2004.

| <b>Tahun</b> | <b>Jumlah penawaran wang<br/>(RM bilion)</b> | <b>Indeks harga pengguna</b> |
|--------------|--|------------------------------|
| 2001         | 329.7  | 107.0                        |
| 2002         | 390.8  | 109.9                        |
| 2003         | 401.4  | 115.7                        |
| 2004         | 434.5  | 118.9                        |

- (a) Apakah yang dimaksudkan dengan *penawaran wang* dan *indeks harga pengguna*? [2]
- (b) Hitung kadar pertumbuhan penawaran wang dari tahun 2002 hingga tahun 2004. [2]
- (c) Hitung kadar inflasi dari tahun 2002 hingga tahun 2004. [2]
- (d) Apakah yang dimaksudkan dengan *Teori Kuantiti Wang*? Jelaskan bagaimana data yang diberikan dapat menerangkan Teori Kuantiti Wang. [4]

15 (a) Apakah yang dimaksudkan dengan *tenaga buruh* dan *guna tenaga*? [2]

(b) Jadual di bawah menunjukkan data tenaga buruh dan guna tenaga di Malaysia pada tahun 2003, 2004, dan 2005.

| <b>Butiran</b>            | <b>2003</b> | <b>2004</b> | <b>2005</b> |
|---------------------------|-------------|-------------|-------------|
| Tenaga buruh ('000 orang) | 9178        | 9573        | 9801.2      |
| Guna tenaga ('000 orang)  | 8862.1      | 9271.2      | 9411.1      |

Berdasarkan jadual di atas,

(i) Hitung kadar pertumbuhan tenaga buruh dan kadar pertumbuhan guna tenaga pada tahun 2004 dan 2005, [4]

(ii) Hitung kadar pengangguran pada tahun 2004 dan 2005, [2]

(iii) Terangkan mengapa wujud arah aliran pengangguran yang sedemikian. [2]

- 16 Jadual di bawah menunjukkan data kadar pertukaran asing antara Singapura dengan Malaysia dan haluan perdagangan antara Singapura dengan Malaysia dari tahun 2000 hingga tahun 2003.

| Tahun | Kadar pertukaran asing bagi S\$100 | Eksport (RM juta) | Import (RM juta) |
|-------|------------------------------------|-------------------|------------------|
| 2000  | 180.66                             | 40 287            | 26 348           |
| 2001  | 232.00                             | 44 352            | 28 944           |
| 2002  | 228.79                             | 48 672            | 30 938           |
| 2003  | 228.09                             | 53 106            | 34 817           |

- (a) Apakah yang dimaksudkan dengan *kadar pertukaran asing*? [1]
- (i) Huraikan arah aliran kadar pertukaran asing Ringgit Malaysia dengan Dolar Singapura bermula dari tahun 2001. [2]
- (ii) Huraikan kesan perubahan kadar pertukaran asing itu terhadap eksport dan import Malaysia. [1]
- (b) (i) Apakah yang dimaksudkan dengan *eksport bersih*? Hitung eksport bersih Malaysia dari tahun 2000 hingga tahun 2003, dan nyatakan arah alirannya. [4]
- (ii) Huraikan kesan perubahan kadar pertukaran asing terhadap eksport bersih bermula dari tahun 2001. [2]